


# jejak graduan




Antara program disertai Dr Walton sepanjang mengikuti pengajian PhD di UMS.



Buku sering menjadi peneman setia Dr Walton.



Keluarga ceria meraikan kejayaan Dr Walton menerima ijazah PhD.



Gembira menerima ijazah PhD pada majlis konvokesyen tahun lalu.

## 'Berkurung' di rumah, universiti demi PhD

Oleh Suzianah Jiffar  
suzianah@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Pada usia semuda 27 tahun, Dr Walton Wider berjaya mengenggam segulung ijazah doktor falsafah (PhD) selepas fokus dunianya cuma berlegar antara universiti dengan rumah selama tiga tahun.

Sepanjang tempoh itu, rutin harian beliau ialah menghabiskan masa dari jam 8 pagi hingga 5 petang setiap Isnin hingga Sabtu sebagai pembantu penyelidik dan tutor sambil di kampus untuk menimba pengalaman.

Selepas jam 5 petang, anak jati Sabah berbangsa Dusun itu memberi tumpuan pada kesibukan menyiapkan penulisan

tesis PhD pula hingga jam 8 malam atau 10 malam jika larat.

"Masa rehat saya hanya pada Ahad yang memang dinanti-nanti dan dikhususkan untuk bersama keluarga.

"Ketika itu, hampir 80 peratus rakan sudahpun berkahwin dan menimang anak, membina kerjaya serta berpendapatan, malah dapat melancong ke luar negara," katanya yang berasal dari Inanam di sini.

**Pengubat hati**

Pengorbanan anak bongsu daripada empat adik-beradik itu melupakan kehidupan sosial dengan rakan sebaya, jelas tidak sia-sia apabila berjaya menggapai impiannya untuk memiliki PhD sewaktu muda.

Dr Walton memulakan

### info

#### Dr Walton Wider

- Umur: 28 tahun
- Asal: Inanam, Kota Kinabalu, Sabah
- Kedudukan dalam keluarga: Anak bongsu daripada empat adik-beradik
- Kelulusan:
  - Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
  - Ijazah Sarjana Pendidikan Psikologi, UTM
  - Ijazah PhD Psikologi, UMS
- Hobi: Melancong dan berenang

pengajian PhD di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada September 2013 dengan tesis bertajuk 'Pengaruh pertautan ibu bapa, rakan sebaya dan pengalaman kedewasaan berkembang terhadap penyesuaian di universiti'.

Secara umum, tesis beliau yang bergraduasi pada Oktober tahun lalu, mengkaji aspek mempertingkatkan penyesuaian kehidupan pelajar tahun pertama di universiti.

**Aktiviti kebajikan**

Dalam memburu cita-cita, beliau tidak terlepas diuji pelbagai cabaran dan dugaan, namun syukur serta kebahagiaan kedua-dua ibu bapa sentiasa menjadi pembakar semangat dan pengubat hati.


Dari segi bidang kerjaya, Dr Walton

cenderung kepada profesion pensyarah demi membantu mencurahkan ilmu pengetahuan dan memberi inspirasi kepada generasi pelapis.

"Saya mengikuti pengajian sumber manusia pada peringkat ijazah sarjana muda tetapi bertukar kepada bidang pendidikan ketika mengambil sarjana selepas aktif menyertai aktiviti kebajikan.

"Melalui aktiviti itu, saya mengajar subjek Matematik dan Bahasa Inggeris kepada anak Orang Asli di Johor sebelum meneruskannya dengan membantu Orang Asli di negeri ini.

"Oleh itu dengan memiliki kelulusan PhD, saya percaya ada peluang lebih besar untuk membantu orang lain, terutama penduduk negeri ini," katanya.



Dr Walton Wider